

**Titah Ucapan**

**D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Di Istiadat Menghadap  
D.Y.M.M Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan  
Bagi Menzahirkan Kejadian  
Undang Luak Jelebu ke-16**

**Khamis, 4 April 2019  
10.30 Pagi**

**Istana Besar Seri Menanti**

***Bismillahirrahmanirrahim***

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera***

**1. Beta bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Istiadat Menghadap Bagi Menzahirkan Kejadian Undang Luak Jelebu yang ke-16 dapat diadakan pada hari ini.**

**2. Beta dengan sukacitanya berkenan menerima penzahiran kejadian Maarof bin Mohd Rashad sebagai Orang Kaya Beta, Undang Luak Jelebu Ke-16 dengan gelaran Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman. Pelantikan ini adalah selaras dengan perbilangan adat "Muafakat Lalu Dalam Golap, Adat Lalu Tongah Torang, Lalu Air Dek Pematung, Bulat Air Dek Gopong, Bulat Kato Dek Muafakat".**

**3. Maka yang demikian, Beta menyeru agar Orang Kaya Beta mengembalikan keharmonian perjalanan adat di kalangan rakyat Beta di Luak Jelebu dengan mengeratkan jalinan silaturahmi di antara semua pihak. Setiap permasalahan yang timbul hendaklah diselesaikan dengan penuh hikmah dan**

**bijaksana. Beta percaya, Orang Kaya Beta akan melaksanakan segala tanggungjawab dan amanah seperti yang telah termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Negeri, Negeri Sembilan serta segala peraturan adat yang berkuatkuasa di Luak Jelebu.**

**4. Istiadat Menghadap Bagi Menzahirkan Kejadian Undang merupakan sebahagian daripada adat-istiadat Negeri Sembilan yang telah diamalkan turun-temurun. Ia perlu dijaga dan dikekalkan sama seperti adat-adat lain yang terkandung dalam Adat Perpatih. Beta amat menggalakkan kajian dan catatan dibuat berkaitan dengan adat-adat yang diamalkan kerana rujukan mengenai adat-istiadat yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan amat berkurangan. Rujukan kita pada masa ini masih lagi bergantung kepada para penulis sejarah Inggeris seperti Richard Wilkinson, J.M. Gullick, M.B. Hooker dan lain-lain lagi. Beta berharap agar selepas ini lebih banyak kajian akan dibuat oleh institut-institut, fakulti-fakulti dan persatuan-persatuan yang berkaitan sejarah, adat-istiadat dan tamadun Melayu.**

**5. Akhir kata, Beta menyeru agar rakyat Beta di Luak Jelebu dan di semua Luak Berundang serta Luak Tanah Mengandung untuk bersama-sama dengan kepimpinan Adat bagi memperkemas serta melaksanakan segala urusan dan tanggungjawab adat dengan baik. Hormati dan junjunglah sistem serta nilai adat yang kita warisi sejak zaman berzaman dengan berpegang teguh kepada perbilangan "Anak Buah Berbuapak, Suku Berlembago, Luak Berpenghulu, Alam Berajo". Di samping itu, peliharalah tali persaudaraan dan hubungan baik antara satu sama lain ibarat bercincang berlandasan, melompek bertumpuan, air dicincang tidak akan putus.**

**6. Semoga Allah S.W.T sentiasa mengurniakan petunjuk dan rahmat-Nya kepada kita semua.**

**Sekian.**

***Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.***